



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

12 DISEMBER 2025 (JUMAAT)

Malaysia Sasar Kurang Kebergantungan Daging Import Menjelang 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Dalam Talian	11 Dis



Datuk Seri Mohamad Sabu

KUALA SELANGOR, 11 Disember - Malaysia sedang menggandakan usaha untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap bekalan daging import menjelang tahun 2030.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia selaras dengan sasaran meningkatkan Kadar Sara Diri (SSR) komoditi ternakan bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Kementerian kini memberi tumpuan kepada bantuan bersasar bagi penternak tempatan yang sudah memulakan operasi tetapi berdepan kekangan modal dan kepakaran.

"Kita kini lebih cenderung membantu mereka yang telah memulakan usaha tetapi kekurangan modal atau kepakaran. Kita juga mengimport anak lembu benih dan spesimen daripada luar negara untuk dibiak di Malaysia.

"Begitu juga, lembu hidup

akan diimport untuk dibesarkan di sini, seterusnya melahirkan banyak baka baharu," katanya ketika berucap merasmikan rumah sembelihan Colla Cattle Farm, di sini, hari ini.

Meskipun sektor ternakan negara menghadapi jurang yang ketara, khususnya bagi daging lembu dan kambing dengan SSR masing-masing sekitar 17 peratus dan sembilan peratus pada tahun 2024, pengeluaran daging ruminan tetap perlu dipertingkatkan.

Perkara itu boleh dicapai melalui pembukaan lebih banyak peluang pelaburan serta pemberian insentif kepada syarikat tempatan.

Ia merupakan usaha dalam mengurangkan kebergantungan terhadap import secara signifikan dalam tempoh enam tahun akan datang. Ketika ini ayam dan telur menunjukkan prestasi kukuh dengan SSR melebihi 90 peratus.

Menerusi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), sektor ternakan disasarkan menyumbang tambahan nilai sebanyak RM19.7 bilion, meliputi peningkatan kapasiti pengeluaran, pembaikan sistem pemasaran, pengurangan kos makanan ternakan serta pembangunan vaksin dan

kesihatan haiwan.

Kejayaan meningkatkan SSR daging tempatan menjelang 2030 memerlukan komitmen berterusan daripada kerajaan, industri dan penternak.

Majlis perasmian tersebut turut menandakan pembukaan sebuah lagi kemudahan penyembelihan moden yang dijangka dapat meningkatkan kapasiti pemprosesan daging tempatan di kawasan Kuala Selangor.

Dalam pada itu ketika mengulas mengenai banjir Datuk Seri Mohamad memaklumkan kementerian sedang meneliti laporan awal berhubung nasib petani dan penternak yang terjejas akibat banjir di beberapa negeri.

Ulasan terperinci mengenai bentuk bantuan dan sokongan tambahan akan diumumkan selepas beliau turun padang membuat lawatan ke kawasan terjejas minggu hadapan.-

[BERITARTM](#)

Perkasa Penyertaan Bumiputera Dalam Industri Ternakan, Capai Sasaran SSR Menjelang 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernama	Am	Dalam Talian	11 Dis



*KUALA SELANGOR, 11 Dis -- Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu (tengah) bersama Pengerusi Eksekutif Colla Cattle Farm Datuk Amirul Rahman Abdul Rahim (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Colla Cattle Farm Lt Kol Jamal Abdul Karim (kiri) pada Perasmian Rumah Sembelih Colla (RSC) Kuala Selangor hari ini.
-fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA*

KUALA SELANGOR, 11 Dis (Bernama) -- Kerajaan menegaskan komitmen untuk memperkukuh penyertaan bumiputera dalam sektor ternakan berikutan kadar sara diri (SSR) bagi beberapa komoditi utama negara masih berada pada tahap rendah dan jauh daripada sasaran nasional menjelang 2030.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu

berkata berdasarkan data tahun lepas, SSR daging lembu kekal sekitar 17 peratus, kambing (9 peratus) dan susu segar (67 peratus), sekali gus menunjukkan keperluan mendesak untuk meningkatkan pengeluaran tempatan secara lebih agresif.

Beliau berkata bagi komoditi seperti ayam dan telur, tahap SSR yang stabil berjaya dicapai iaitu masing-masing pada 93 peratus dan 107

peratus, namun negara tidak boleh berpuas hati dengan angka itu dan perlu terus bergerak ke hadapan dalam meneroka potensi eksport yang lebih luas.

“Seiring dengan teras Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) telah menetapkan pertumbuhan sumbangan nilai tambah sektor ternakan sebanyak RM19.7 bilion.

“Ini termasuk meningkatkan SSR bagi daging ayam dan telur ayam/itik masing-masing kepada 140 peratus dan 123 peratus serta mengekalkan SSR bagi daging lembu/kerbau (50 peratus), kambing/bebiri daging (30 peratus) dan susu segar (100 peratus) menjelang 2030,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Rumah Sembelihan Colla Cattle Farm (RSC) di sini hari ini.

Mohamad berkata dalam mencapai tujuan itu, kementeriannya sentiasa menyokong penyertaan syarikat komersial baharu serta syarikat penternakan sedia ada untuk meningkatkan pelaburan dalam industri ruminan melalui sokongan teknikal dan insentif bersesuaian.

Beliau berkata pengukuhan ekosistem ruminan

merangkumi pembiakbakaan, kesihatan haiwan termasuk pembangunan vaksin, pengurangan kos makanan ternakan, peningkatan sistem pemasaran dan penggunaan teknologi ladang moden.

“Kementerian bersama agensi berkaitan perlu menggandakan usaha memastikan pelaksanaan semua program baharu dan program sedia ada dipantau rapi supaya sasaran SSR tercapai mengikut jadual.

“Setiap inisiatif mesti memberi kesan langsung kepada penambahan pengeluaran ruminan negara dan bukan sekadar rekod di atas kertas,” katanya.

Dalam pada itu, Mohamad turut meluahkan kebimbangan terhadap aktiviti penyeludupan haiwan ruminan dari negara jiran yang membawa risiko seperti kawalan penyakit serta kestabilan pasaran yang seterusnya mampu menyukarkan usaha untuk meningkatkan tahap SSR, sekali gus mengurangkan kebergantungan import negara.

Beliau berkata kerjasama semua pihak diperlukan dalam memastikan perkara berkenaan berjaya dikekang selain pihak berkuasa perlu

memainkan peranan dengan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati terlibat dengan aktiviti terbabit.

“Isu ini sedang ditangani melalui inisiatif menangani aktiviti penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Pemeriksaan dan Kuarantin Malaysia (MAQIS),” katanya.-

[BERNAMA](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR